

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
SOALAN :
TARIKH :

YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a) berapakah jumlah program “Doktor Bersama Rakyat” yang telah dianjurkan oleh Kementerian yang mengambil kira faktor kesusahan masyarakat setempat untuk ke klinik yang berhampiran; dan
- b) adakah keperluan / kelengkapan yang diperlukan oleh seseorang doktor itu mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab terutamanya di kawasan klinik-klinik desa.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada maklumat berkenaan dengan Program “Doktor Bersama Rakyat” kerana ianya di anjurkan oleh pihak NGO.
- b) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan rangkaian fasiliti kesihatan yang terdiri dari hospital, klinik kesihatan, klinik ibu dan kanak-kanak, Klinik 1Malaysia, klinik desa dan juga klinik bergerak untuk memberi perkhidmatan kesihatan. Sehingga kini, 752 buah dari 959 buah klinik kesihatan ditempatkan dengan pegawai perubatan secara tetap, 82 buah dari 104 buah klinik ibu dan kanak-kanak, manakala 79 buah dari 338 buah Klinik 1Malaysia mempunyai perkhidmatan pegawai perubatan. Bagi klinik

kesihatan yang tidak mempunyai pegawai perubatan, perkhidmatan pegawai perubatan adalah diberi secara lawatan berkala, mengikut keperluan setempat.

Klinik Desa adalah di bawah kendalian jururawat dan juga jururawat masyarakat. Walau bagaimanapun, klinik desa menerima perkhidmatan pegawai perubatan melalui lawatan klinik yang ditetapkan secara berkala. Pada sesi atau hari lawatan pegawai perubatan ke klinik desa yang berkaitan, beberapa peralatan dan ubatan tambahan dibawa bersama agar rawatan awal kes yang diperiksa boleh diberi perkhidmatan yang sewajarnya.

Di samping jaringan klinik kesihatan yang meluas, sistem kesihatan di Malaysia juga mempunyai sistem rujukan yang baik, di mana sekiranya pesakit yang dirawat di klinik desa memerlukan sebarang rawatan lanjut, jururawat di klinik desa boleh merujuk pesakit tersebut untuk mendapat rawatan pegawai perubatan di klinik kesihatan atau hospital yang berhampiran.